

Rahsia Kejayaan: Pengurusan Masa Cemerlang

Contributed by administrator
Tuesday, 28 April 2009
Last Updated Wednesday, 29 April 2009

"Maaf,
saya sudah lambat....."

"Jika saya
masih ada masa sedikit lagi....."

"Saya betul-betul
minta maaf, saya terlalu banyak kerja...."

Berapa banyak
kali kah anda mendengar alasan-alasan di atas?

Berapa banyak
kali kah anda mendengar pekerja-pekerja di pejabat, di rumah, di restoran
atau di mana-mana sahaja bercakap mengenai masalah kekurangan masa?

Masa merupakan
sumber yang unik. Dari sehari ke sehari, setiap orang mempunyai jumlah
masa yang sama iaitu 24 jam; tidak lebih dan tidak kurang. Masa tidak dapat
dikumpulkan. Masa tidak dapat ditukar ganti. Kita tidak dapat membuka atau
menutupnya. Masa sebenarnya akan kekal atau sentiasa ada. Yang tidak kekal
ialah masa hidup kita di dunia.

Apakah yang
membezakan antara orang-orang yang berjaya dengan yang kurang berjaya?
E.M. Gray dalam esainya "The Common Denomination of Success" menyatakan
bahawa kejayaan yang dicapai oleh orang-orang yang berjaya bukannya kerana
kerja kuat, nasib baik atau bijak dalam selok-belok perhubungan manusia
walaupun semua itu adalah penting.

Katanya:

"Orang yang
berjaya mempunyai amalan membuat perkara yang mana orang gagal tidak suka
melakukan." Satu faktor yang jelas menjadi inti kejayaan mereka ialah
orang-orang yang berjaya sentiasa mengukir amalan keberkesanan dalam hidup
mereka. Mereka sentiasa menggunakan fikiran dan tenaga mereka untuk perkara-perkara

yang berfaedah, mendahulukan apa yang paling penting dahulu serta yang memberikan pulangan maksimum.

PRINSIP 20/80

Prinsip 20/80

sangat bertepatan dengan "seruan" di atas. Prinsip ini telah diperkenalkan oleh Vilfredo Pareto, seorang ahli ekonomi Itali. Mengambil sempena namanya, prinsip ini juga dikenali sebagai Prinsip Pareto.

Secara ringkasnya, menurut prinsip ini, untuk mencapai keberkesanan pada kadar (optimum) sekitar 80% setiap hari, minggu, bulan, tahun atau dalam seumur hidup kita, kita hendaklah menumpukan perhatian / tindakan kita terhadap perkara-perkara atau tugas yang paling penting dahulu. Misalnya, jika kita mempunyai 10 senarai tugas / kerja pada hari ini dan dapat menumpu atau menyelesaikan 2 tugas yang paling penting atau paling tinggi pulangannya, pencapaian atau keberkesanan kita pada hari ini ialah 80%.

Jika rahsia

pengurusan masa ini dijadikan sebagai prinsip dan amalan hidup anda, anda akan akhirnya tergolong dalam golongan orang-orang yang berkecapaian tinggi - amat berkesan, cemerlang dan gemilang! InsyaAllah.

Oleh Taidin
Suhaimin